Sebahagian dari keluarga Pak Raden yang sempat ditemui.

Eksklusif



Pak Raden bersama anak-anak dan cucu.

MENEMUI KELUARGA BESAR DI IPOH

22 BANGGA PUNYA ADIK-BERADIK

KALAU kita mempunyai enam orang adik-beradik, kita sudah merasakan tidak selesa kerana tidak dapat apa yang kita mahukan, tambahan pula kedua orang tua kita hanya berpendapatan sederhana sahaja. Tapi cuba kamu bayangkan kalau kamu berada dalam sebuah keluarga 'besar' seperti keluarga Pak Raden Sastro Sudarmo yang mempunyai 22 orang anak. Dan apa yang kamu lakukan sekiranya kamu menjadi salah seorang dari anggota keluarga yang ramai itu?


Itulah persoalan yang bermain di kepala REMAJA bila mendengar berita yang luar biasa ini. Untuk mengetahui secara dekat, REMAJA telah mengunjungi keluarga tersebut di Kampung Pari, Ipoh pada bulan lepas.

Rumah papan dua tingkat itu nampak tenang dan senyap bila kami memasuki perkarangan rumah tersebut. Selepas memberi salam keluar sepasang suami isteri separuh baya yang kemudiannya memperkenalkan diri mereka sebagai Pak Raden Sastro Sudarmo atau Ahmad dan Mak Asiah Abdullah, ketua keluarga yang besar itu. Kami dipersilakan duduk di sisi rumah itu yang telah dipasangkan zing. Di situ ada sebuah meja panjang dan bangku yang boleh memuatkan 12 orang. Itulah tempat makan mereka. "Anak-anak saya keluar. Ada yang pergi sekolah dan ada yang pergi kerja. Kalau pukul enam mereka ada di rumah," terang Pak Raden dalam loghat Jawa.

Rumah itu nampak cukup sederhaia dan tidak sesuai untuk tinggal seramai 12 orang penghuni. Menurut Pak Raden lagi, cuma 14 orang sahaja yang tinggal di situ, yanj lainnya sudah berumahtangga dan tinggal serdiri ataupun bekerja di bandar lain. Jelas terbayang kegembiraan dan bangga di wajah kedua suami isteri itu bila menceritakan tentang kelarganya.

Anaknya yang tua berusia 36 tahun, sementara yang bongsu berusia 12 tahun. Mereka dijarakkan setahun sahaja. Cuma ana kedua pasangan ini saja yang kembar, kedua anak perempuan mereka sudah pun berumahtangga.

Bagi mencungkil rasa isi hati meeka yang



Sukian masih bujang.



"Saya berkorban untuk keluarga saya." – Salwa.

mempunyai ramai adik-beradik itu, REMAJA telah menemubual dengan beberapa orang anak-anak mereka yang masih bujang.

Sukian Ahmad, 28 tahun masih bujang merupakan anak ketujuh. Sebagai anak lelaki yang masih bujang, Sukian harus membantu meringankan beban keluarganya. Dia bekerja sebagai ahli Bomba di Jabatan Penerbangan Awam. Dan setiap bulan dia membantu keluarganya sebanyak $150. "Saya sedar keluarga saya memerlukan bantuan dari anak-anaknya tapi semua abang-abang dan kakak sudah kahwin, jadi saya mesti membantu. Hendak beri banyak gaji saya pun tidak seberapa," kata Sufian yang tidak malu mengakui bahawa dia mempunyai adik-beradik yang ramai, pada siapa saja.

"Saya telah didik dengan cara berdisiplin. Jadi jika ada adik-adik yang nakal ataupun tidak mahu belajar, saya akan marah dan memberi nasihat. Sebagai abang saya harus menjaga adik-adik terutama adik perempuan. Kalau dah ramai tu macam-macam perangai.

Saya beri kebebasan pada adik perempuan saya hendak keluar tapi mesti balik paling lewat pukul 10.00 malam. Atau kalau ada boy friend, suruh boy friend mereka datang ke rumah jemput dan hantar pulang. Saya tak suka adik-adik saya berjalan-jalan tanpa tujuan. Kerana saya sendiri lebih suka duduk di rumah dari membuang masa tanpa tujuan," kata anak muda itu lagi.

Sejak dari kecil lagi Sukian telah dilatih berdikari dan mencari wang belanja sekolah sendiri. Kebetulan dia memang mempunyai bakat dalam melukis. Dari umur belasan tahun lagi dia selalu melukis dan menjual lukisannya selepas waktu sekolah bersama abangnya yang tua. Bila tamat sekolah Sufian pernah bekerja kontrak untuk membantu keluarga dan adik-adik yang masih bersekolah.

Pada hari raya ini Sukian hanya memberi wang pada emak untuk membuat persiapan menyambut hari raya. Dia tidak mampu membelikan pakaian adik-adiknya kerana dia tidak mahu memilih kasih. Dan lebih baik kalau emak yang berbelanja untuk mereka.

Ada setengah orang malu kalau mempunyai adik-beradik yang ramai, tapi bagi Sukian itu hanya perkara biasa. Dia menjemput kawan-kawan datang ke rumah dan menjamukan mereka mengikut kemampuan keluarganya. "Saya rasa seronok tinggal beramai-ramai begini. Dulu saya pernah tinggal berasingan tapi memandangkan tanggungjawab saya sebagai abang dan telah terbiasa tinggal beramai-ramai, saya kembali menetap di sini," jelas Sukian dengan bangga.

Anak kesembilan Pak Raden ini nampaknya lebih matang dan dia banyak membantu menguruskan kewangan keluarga besar ini. **Salwa Ahmad** berusia 23 tahun dan bekerja di salah sebuah kilang di Ipoh. Gadis manis ini telah banyak menempuh kesulitan sejak dia dilahirkan. Dalam keluarga itu hanya dia seorang sahaja yang mahu bercerita terus-terang tentang kesulitan keluarganya. "Kami pernah makan ubi kayu kerana tidak cukup duit untuk membeli beras. Tapi itu dahulu kini sudah berubah bila ramai antara abang dan kakak yang sudah bekerja. Tapi pengalaman itu membuatkan saya sentiasa sedar bahawa hidup ini ibarat roda, jika kita berada dalam kesusahan, tidak semestinya terus menghadapi kesusahan selama-lamanya," kata Salwa sambil tunduk malu.

Dia terpaksa bekerja keras untuk membantu adik-adik yang masih sekolah kerana abang dan kakak sudah kahwin. Mereka cuma membantu sekadar yang termampu kerana masing-masing mempunyai tanggungjawab terhadap keluarga masing-masing. "Saya terpaksa menahan keinginan saya untuk membeli pakaian yang bagus dan mahal-mahal atau berbelanja sesuka hati kerana kalau saya buat begitu bagaimana pula dengan adik-adik saya...." terang Salwa.

Memandangkan tanggungjawabnya itu, dia sanggup menunggu empat orang adik perempuannya bersuami dahulu dan seorang dari adiknya telah mendahuluinya namun pada Salwa itu adalah cara yang paling baik.



Intan sedang membuat putu piring di gerai.

Pendapatannya cuma $160 sebulan dan dia menyerahkan sebanyak $60 pada emak untuk perbelanjaan dapur. Kalau dia hendak membeli pakaian pun dia akan mencari pakaian yang murah atau 'cheap sale' saja. Dan kadang-kadang adik-adik merengek hendak tengok wayang, jadi dia terpaksalah menemankan adiknya menonton wayang.

Salwa seorang gadis yang sensitif. Ketika kami sedang berbual-bual itu dia menitiskan air mata mengenangkan perjalanan hidupnya. Tambahan pula hari raya sudah hampir. Kalau tahun dahulu mereka beraya dengan meriah serta membuat persiapan seperti membuat kuih-kuih tapi tahun ini semuanya masih kabur lagi.

"Saya memang tidak akan membuat pakaian baru. Biarlah adik-adik mendapat paling kurang sehelai baju raya. Saya mahu tengok mereka semua gembira. Kakak yang selalu membantu kami di KL itu pun sudah berhenti kerja. Dan nampaknya dia tidak akan mengirimkan wang seperti tahun lepas. Cuma dalam bulan puasa ini saya membuat bisnes menjual kuih-kuih dan pecal untuk mencari duit," ujarnya lagi sambil mengesat air mata yang bertakung di kelopak matanya.

Salwa tidak menyesal hanya sempat menduduki darjah enam saja kerana pada masa itu keluarganya tidak mampu menanggung persekolahannya kerana ramai adik-beradik. Di sudut hatinya terasa bangga kerana ramai dari adik-beradiknya yang sempat menghabiskan persekolahan mereka hingga ke tingkatan lima. Salwa terlalu banyak berkorban untuk keluarganya. Satu contoh yang baik dan REMAJA kagum dengan pengorbanannya itu.

Di akhir pertemuan itu Salwa sempat menyatakan keinginannya hendak membuka bisnes sendiri tapi dia tidak mempunyai modal yang cukup. Kalau boleh dia mahu membuka sebuah gerai makanan. Dahulu dia pernah membuka gerai bersama abangnya tapi ada beberapa sebab tertentu hinggakan bisnes itu tidak berjalan dengan lancar.

Hidup Salwa ada kalanya sepi kerana kakak-kakaknya sudah kahwin. Ada juga antara kakaknya mengajak dia tinggal bersama mereka tapi Salwa tidak sampai hati meninggalkan adik-adik dan keluarga. "Saya kepunyaan keluarga besar ini dan saya akan tetap berada di samping mereka sehingga mereka semua sudah boleh berdikari sendiri," begitulah azam Salwa sebagai anak yang bertanggungjawab.

"Saya rasa semuanya ini perkara biasa. Apa yang hendak dimalukan kerana ini takdir Tahun," begitulah kata **Roslan Ahmad,** 19 tahun bila diusik oleh kawan-kawannya. Anak muda ini sedang menunggu keputusan peperiksaan SPM yang diambil kali kedua. Roslan anak ke-16 mempunyai perwatakan yang pendiam dan malu.

Untuk mencari duit poket dia membantu abangnya menjual air tebu di tepi jalan. Biasanya dilakukan setiap hari dari pukul 4 hingga 6 petang. Pendapatan sehari tidaklah banyak cuma lebih kurang $15 sehari. Tapi itu sudah mencukupi bagi dia dan abangnya kerana tebu-tebu itu cuma diambil dari kebun yang ditanam oleh ayahnya sendiri.

"Tidak timbul rasa iri hati antara kami adik-beradik kerana kami tahu keluarga kami tidak mampu memberikan apa yang kami mahu. Sekiranya kami betul-betul memerlukan duit untuk membeli sesuatu barang itu, emak akan mempastikan duit itu digunakan untuk perkara yang penting sahaja. Yang lain tu kenalah cari sendiri," kata Roslan. Namun kadang-kadang timbul juga rasa iri hati pada anak-anak orang kaya yang dapat apa saja yang mereka mahukan tapi rasa tidak puas hati itu tidak pernah disimpan di hatinya kerana dia sedar kemampuan keluarganya.

Lihat Muka 21

Dari Muka 11

Roslan (kiri) bersama Mak Asiah, Pak Raden, Sukian dan Rosminah.



Rosminah pandai membuat tapai dan kuih.

Menjelang hari raya ini Roslan terpaksa menolong abang-abangnya berniaga lebih bersungguh-sungguh. Dia bercadang hendak menjual bunga api pada waktu malam. Biasanya kalau kakak yang bekerja di KL akan memberi sedikit wang dan ditambah dengan wang simpanannya, maka dapatlah Roslan membeli dua pasang pakaian hari raya.

"Saya tidak suka keluar beramai-ramai dengan adik-beradik yang lain kalau pergi jalan-jalan. Bagi saya cukuplah di rumah sahaja kami berkumpul. Saya pun tidak suka orang asyik bertanya tentang keluarga besar saya ini. Tapi saya takut dan hormat pada abang yang sulong. Dia tidak ga,ang tapi pada saya dialah satu contoh dan sekaligus pengganti ayah," ujar Roslan yang mempunyai hobi mengumpul setem, bermain gitar dan berenang.

Waktu belajar pun ada masanya menjadi masalah juga kerana bila sudah ramai tentulah bising. Jadi waktu belajar yang digunakan oleh Roslan ialah antara pukul 10 hingga 11.30 malam. Roslan bercita-cita hendak menjadi guru.

Mari kita berkenalan pula dengan anak Pak Raden yang ke-17 dan berusia 17 tahun. Gadis berambut panjang ini bernama **Rosminah Ahmad.** Ros sudah tidak bersekolah dan cuma menolong emaknya membuat kuih. Dari membuat kuih dan tapai itu Ros mendapat upah sebanyak enam ringgit. Duit itu disimpan untuk masa depannya. Dan kadang-kadang dia turut menjaga gerai yang menjual kuih di tepi jalan menuju ke rumahnya.

"Alangkah bertuahnya kalau menjadi anak orang kaya! Itulah impian saya tapi saya tidak menyesal dilahirkan dalam keluarga ini. Seronok juga kalau ramai adik-beradik. Kami bekerja saling membantu dan tidak timbul sebarang masalah," kata Ros dengan wajah riang.

Untuk hari raya ini saya akan mengeluarkan duit simpanan saya untuk membeli sepasang baju baru. Bukan yang mahal tapi cukuplah asalkan nampak cantik dan baru. Saya pun nampak macam orang lain juga tapi hanya ini saja kemampuan saya," terangnya lagi.

Seorang lagi yang sempat REMAJA temui ialah **Intan Suraini Ahmad.** Ketika ditemui Intan sedang membuat kuih putu piring di gerai kepunyaan emaknya. Di wajahnya terpancar ketabahan dan sabar. Gadis seusia dengannya tentu masih mengharapkan bantuan sepenuhnya dari keluarga tapi bagi Intan dia terpaksa lakukan sesuatu untuk mencari duit poket sendiri.

Intan masih menuntut di tingkatan tiga di Sekolah Menengah Raja Perempuan Ipoh. Dan dia adalah anak ke-19. Duit upah menjual kuih itu Intan simpan untuk membeli keperluan sekolahnya. Biasanya dia mula menjaga gerai selepas pukul 2 hingga pukul 7 petang. "Saya terpaksa menjaga gerai ini kerana emak ada kerja lain di rumah. Lagipun membuat kuih putu piring ini bukannya susah sangat. Kalau tidak ada pelanggan saya sempat juga mengulangkaji pelajaran. Di sini lebih tenang kalau hendak belajar kerana maklumlah di rumah ramai orang," kata intan yang bercita-cita hendak menjadi jururawat.

Di antara ramai adik-beradik, Intan rapat sekali dengan Robaah, kakak yang setahun tua darinya. "Kalau saya ada problem, saya rasa takut dan segan untuk memberitahu pada kakak dan abang. Tapi kalau problem itu tidak dapat kami selesaikan barulah kami berjumpa dengan mereka." Intan tidak berpeluang manja pada keluarganya cuma adiknya yang bongsu saja yang manja. Mereka memang telah dilatih untuk tidak bergantung pada kedua orang tua. Masing-masing tahu apa harus dibuat.

"Bila saya mendengar atau membaca cerita tentang anak orang kaya yang hidup kesepian kerana tidak ada adik-beradik. Saya rasa kasihan dan kalau boleh ingin hendak menemani mereka. Seronok ya, kalau jadi orang kaya, manja dan berpeluang pergi bercuti ke luar negeri. Bila agaknya saya boleh merasa seperti mereka itu?" kata gadis tinggi lampai ini tentang impian yang terkeluar dari mulutnya tanpa disedari.

Begitulah kisah adik-beradik yang dilahirkan dalam keluarga besar itu. Kisah mereka itu telah mendapat perhatian ramai bila cerita mengenai mereka tersiar melalui siaran TV3 kira-kira 3 bulan yang lalu. Sebagai anak-anak yang meningkat dewasa mereka sering menginginkan sesuatu yang mereka tidak punyai. Bagaimanapun keluarga besar itu hidup dalam rukun dan damai, saling memahami dan saling membantu.

● **Richie Rachman.**